UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UiTM di hatiku

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin

The 2nd International Conference On Innovative Sciences & Technologies For Research & Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition 17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi : Profesor Datuk Teknologis (Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Building Bridges Through International Mobility: A Joint Program between UiTM & Mulawarman University Indonesia

sarawak.uitm.edu.my

Khidmat Pengajaran Prinsip Perakaunan atas Talian Kepada Calon SPM dari Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam 3 (SMKPA3)

Disediakan oleh:
Zalila @ Azalilah Hj Kassim
Siti Maliza Hj Salleh
Dayang Milianna Abang Naim (Dr.)

Pengurusan Fakulti Perakaunan telah mengadakan Program University Social Responsibility (USR): Khidmat Pengajaran Prinsip Perakaunan Secara Dalam Talian kepada calon SPM dari Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam 3 (SMKPA3) pada 12 Ogos 2022 dan 19 Ogos 2022. Pensyarah yang telah dilantik sebagai tenaga pengajar untuk menjayakan program ini ialah Cik Siti Maliza Hj Salleh, Puan Zalila @ Azalilah Hj Kassim dan Dr. Dayang Milianna Abang Naim. Turut menjayakan program ini ialah guru-guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam 3.

Objektif program ini adalah untuk membantu murid agar dapat menguasai pemahaman asas mata pelajaran Prinsip Perakaunan tingkatan 4, membantu murid memahami pertalian antara konsep perakaunan yang dipelajari serta membantu melahirkan murid yang kreatif dan kompeten pada masa depan.

Program ini terbahagi kepada dua sesi. Sesi pertama diadakan pada 12 Ogos 2022. Pensyarah telah mengajar topik berikut kepada pelajar iaitu Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan, Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat, Buku Catatan Pertama dan Lejar. Pada sesi kedua pula iaitu pada 19 Ogos 2022, pensyarah telah dibantu oleh tutor, Nur Eleesha binti Kamal Azlan iaitu pelajar dari Kampus Puncak Alam bagi membantu pelajar dalam membuat latihan yang diberi oleh pensyarah bagi menguji pemahaman pelajar terhadap apa yang mereka telah pelajari. Program ini telah diadakan dengan jayanya dan seramai 15 orang pelajar dari SMKPA3 telah hadir secara dalam talian bagi menjayakan program ini.